



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (90)

Tarikh : 8 Januari 2016

## SIARAN MEDIA

### **Projek Perintis *Healthy City* dan Publisiti Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang**

**Kluang, 11 Januari 2016** - Projek Perintis *Healthy City* dan Publisiti Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada pagi ini.

2. Projek perintis *Healthy City* yang dijayakan oleh KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan ini telah dimulakan sejak tahun 2014. Projek perintis ini telah mula dilaksanakan di Pusat Bandar Kluang dan Kuala Terengganu pada tahun 2015.

3. Bermatlamatkan peningkatan kualiti persekitaran fizikal dan kesihatan penduduk bandar dengan perubahan gaya hidup aktif melalui rekabentuk bandar sihat, Bandar Kluang menambahbaik kemudahan rekabentuk fizikal dan infrastruktur kesihatan (*outdoor gym*), peralatan kesihatan, mengadakan program-program sosial kemasyarakatan dan gaya hidup sihat. Ini akan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif menerusi aktiviti berjalan kaki dan beriadah.

4. Pembangunan projek *Healthy City* di pusat Bandar Kluang, Johor melibatkan cadangan laluan pejalan kaki dari Stesen Keretapi Kluang ke Taman Merdeka. Tapak projek ini terletak di tengah-tengah pusat bandar utama Daerah Kluang berdekatan dengan Stesen Keretapi Kluang dan kawasan tumpuan masyarakat seperti pejabat pos, bangunan telekom, SRJK (Cina), deretan kedai dan Dewan Jubli Intan. Lokasinya yang strategik dan berupaya menghubungkan antara satu nodes (stesen keretapi Kluang) ke satu nodes yang lain menjadikan pembangunan projek perintis ini sesuai dilaksanakan selaras dengan konsep *Healthy City* yang ingin diketengahkan.

5. Projek perintis ini turut melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 80 meter di Jalan Sultanah dan Jalan Dato' Tiew Siew Khor, pembinaan laluan pejalan kaki separa *mall* di hadapan Dewan Jubli Intan sepanjang 70 meter dan pembinaan laluan pejalan kaki di sekeliling Dewan Jubli Intan sepanjang 120 meter serta pembinaan *outdoor gym* dan pencahayaan di Taman Merdeka, Kluang.

6. Projek ini merupakan salah satu cadangan pelaksanaan projek penaikan taraf elemen-elemen program bandar selamat dan program bandar sihat yang telah dikenalpasti

dalam RKK Pengkalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang yang telah disediakan.

## **Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengkalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Selamat di Bandar Kluang**

7. Rancangan Kawasan Khas (RKK) pengkalan dan pemuliharaan bangunan warisan, bandar sihat dan selamat di bandar Kluang merupakan satu bentuk rancangan pemajuan terhadap suatu kawasan yang dipilih secara khusus bagi tujuan perancangan dan pembangunan dan disediakan dalam tempoh masa yang singkat.

8. Matlamat RKK ialah mengekal dan memulihara bangunan warisan untuk tatapan dan penghayatan generasi akan datang serta menjana aktiviti perniagaan di koridor warisan Kluang. Objektif utama RKK adalah menyediakan Pelan Tindakan Pengkalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Bandar Kluang, menyediakan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan, menyediakan pelan bagi menaik taraf landskap, elemen-elemen Program Bandar Selamat dan Program Bandar Sihat yang bersesuaian di kawasan koridor bangunan warisan dan mewujudkan mekanisma pelaksanaan bagi pelan-pelan tindakan yang dicadangkan.

9. Di pagi ini juga diadakan Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi kerjasama dalam Pembangunan Projek Perintis *Healthy City* Bandar Kluang, Johor Darul Takzim antara Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang, Johor dan Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor disaksikan oleh YB Timbalan Menteri KPKT.

10. Turut hadir di majlis pagi ini ialah YB Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday: Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap ADUN Mahkota, Datin Paduka Dr. Dahlia binti Rosly: Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia, Tuan Haji Ismail bin Abu : Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang dan YBhg. Dato' Dr. Mohd Khairi bin Yakub: Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)